

Memorandum

Kepada

YB Dr. Zaliha Binti Mustafa
Menteri Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

**SERAPKAN PEKERJA PEMBERSIHAN
DAN PENGAWAL KESELAMATAN.
HAPUSKAN SISTEM KONTRAK DI
PREMIS HOSPITAL!**

11 April 2023

Oleh:



Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK)

TUNTUTAN PEKERJA KONTRAK DI HOSPITAL

SERAP PEKERJA KONTRAK DI HOSPITAL – PEKERJA PEMBERSIHAN, PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEKEBUN SEBAGAI PEKERJA TETAP

PELAKSANAAN DASAR PEMILIHAN DAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN YANG KETAT

SENARAIHITAMKAN SYARIKAT KONTRAKTOR YANG GAGAL MEMATUHUI UNDANG-UNDANG PEKERJAAN

WUJUDKAN SATU MEKANISME ADUAN UNTUK PEKERJA KONTRAK MEMBUAT ADUAN DI HOSPITAL ATAU KEMENTERIAN KESIHATAN

PENGENALAN

Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mempertahankan hak pekerja-pekerja kontrak di premis Kerajaan. Pekerja-pekerja kontrak di premis hospital seperti pengawal keselamatan, pekerja pembersihan dan pekebun mengalami pelbagai masalah akibat sistem kontrak yang diamalkan oleh Kerajaan.

Sejak 2016, JPKK dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia menyalurkan banyak aduan mengenai eksploitasi kontraktor pembersihan dan pengawal keselamatan di Hospital.

Pekerja-pekerja kontrak ini pernah membawa isu mereka kepada mantan Menteri Kesihatan, YB Dr. Zulkefly Ahmad di bawah Kerajaan Pakatan Harapan pada Disember 2019. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan jatuh, pada 27 Julai 2020, kami telah berjumpa dengan Setiausaha Sulit YB Menteri, En. Syukri bin Ibrahim dan membincangkan segala masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja pembersihan di Hospital. Tetapi setelah satu bulan, kami menerima surat dari Pejabat Menteri Kesihatan bahawa semua isu yang diutarakan oleh pekerja pembersihan adalah perkara yang harus dibawah kepada Kementerian Sumber Manusia dan tidak berkaitan dengan Kementerian Kesihatan walaupun semua pekerja ini bekerja di Hospital. Kami amat tidak puashati dengan maklumbalas tersebut.

Seterusnya, pada 7 September 2020 kami turut menulis kepada YB Menteri Kesihatan untuk mendapat satu temujanji bagi menyerahkan hasil kajian pertama yang kami telah lakukan mengenai impak sistem kontrak sebelum dasar penswastan 1996 dan perbandingan dengan sekarang. Sejurus dengan surat kami, Setiausaha Sulit YB Menteri, En. Syukri Ibrahim

memanggil kami dan mendengar apa kandungan kajian tersebut dan beritahu akan bincang dengan YB Menteri dan memberi maklumbalas kepada kami. Tetapi sehingga hari ini, tiada sebarang berita. Maka masalah pekerja kontrak ini terus berterusan. Pada 3 Disember 2020, kami juga telah menyerahkan kajian kami yang kedua kepada Kementerian Kesihatan yang membincangkan kepincangan kontraktor dan cadangan untuk memperbaiki sistem tender di Kerajaan supaya pemilihan dan pengambilan kontraktor yang layak bagi membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan tanpa mengeksploitasi pekerja kontrak.

Selepas itu, sekumpulan pekerja-pekerja pembersihan yang mewakili Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia telah berkonvoi di motorsikal dari Bukit Mertajam, Pinang ke Putrajaya dan telah menyerahkan memorandum dan berjumpa dengan Mantan Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin pada 8 Februari 2022 membawa isu mereka kepada Menteri Kesihatan. Berikutan ini, sekarang Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia telah diiktiraf oleh majikan. Kami amat gembira dan berterima kasih kepada kementerian yang mengambil beberapa tindakan serius.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian besar isu pekerja kontrak masih belum ditangani dan JPCK terus mendapat ribuan panggilan ke talian bantuan kami mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka.

MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PEKERJA KONTRAK DI HOSPITAL

Jaminan kerja – pekerja-pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan di Premis Hospital diambil kerja dengan kontrak jangka pendek. Setiap 2 atau 3 tahun sekali apabila kontraktor bertukar, maka pekerja-pekerja ini menjadi pekerja baru. Semua faedah seperti pengalaman kerja, cuti tahunan, cuti sakit dan lain-lain menjadi asal bila kontraktor baru ambilalih. Gaji pekerja kontrak tetap di paras Gaji Minima walaupun pengalaman kerja pekerja meningkat. Pekerja sentiasa menjadi pekerja baru apabila kontraktor baru ambilalih. Sistem kontrak ini juga menyebabkan pekerja tidak berani menyuarakan hak mereka. Ini kerana Syarikat kontraktor baru tidak mahu kekalkan pekerja-pekerja ini. Pekerja tiada jaminan kerja.

Gaji Minima RM1500 tidak dibayar – Pekerja-pekerja kontrak ini masih belum dinaikkan gaji minima RM1500. Alasan kontraktor adalah Kerajaan belum melaraskan tender mereka bagi menaikkan gaji minima RM1500, maka Syarikat kontraktor tidak dapat membayar amaun Gaji Minima baru. JPCK telah dua kali membawa isu ini ke perhatian Menteri Sumber Manusia pada bulan Ogos 2022 dan ke perhatian Perdana Menteri pada Februari 2023, tetapi masih ramai kontraktor tak mematuhi undang-undang Gaji Minima. Ada Syarikat Kontraktor kawalan keselamatan yang mematuhi Gaji Minima dalam gaji asas, tetapi dalam pengiraan kerja lebih masa masih menggunakan amaun gaji minima lama dengan alasan yang sama. Walaupun pihak Kerajaan mewajibkan Syarikat kontraktor untuk membayar dahulu kepada pekerja dan membuat

tuntutan kemudian, tetapi Syarikat-syarikat kontraktor mengatakan mereka tiada kewangan bagi mendahulukan bayaran ini.

Menipu dalam pengiraan Gaji Kerja Masa – Semua Syarikat kontraktor kawalan keselamatan di Hospital tidak membayar gaji kerja lebih masa dengan pengiraan betul sepertimana yang tertakluk dalam Akta Kerja 1955. Banyak penipuan yang dilakukan keatas gaji kerja lebih masa. Ada Syarikat yang membayar gaji pekerja secara lum-sum setiap bulan.

Waktu kerja yang lama – Hampir semua pengawal keselamatan di Hospital bekerja selama 12 jam sehari, 31 hari sebuland an 365 hari satu tahun. Ini bermakna, pekerja-pekerja ini tidak diberi hari rehat dalam seminggu dan pengambilan cuti tahunan dan cuti am tidak dibenarkan. Jika pekerja mengambil sebarang cuti, maka gaji mereka akan dipotong atau pekerja kena cari ‘buffer’ sendiri dan bayar duit sendiri untuk menggantikan mereka di pos kawalan jika ingin ambil cuti. Waktu makan juga tidak diberi. Pekerja perlu makan di pos kawalan sahaja.

Potongan untuk Uniform kerja – Pembekaran uniform kerja adalah tanggungjawab Syarikat kontraktor. Tetapi kebanyakan Syarikat kontraktor sedang membuat potongan daripada gaji untuk uniform kerja.

TUNTUTAN PEKERJA KONTRAK

1. Serap pekerja kontrak sebagai pekerja tetap

Sebelum pertengahan 1990an, semua pekerja pembersihan, pekebun dan Pengawal keselamatan di Hospital adalah pekerja kerajaan yang mempunyai jaminan kerja. Namun sejak dasar pengswastan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke 4 – Tun Dr. Mahahtir pada tahun 1996, sistem ini telah ditukar kepada sistem kontrak yang telah menghancurkan jaminan kerja. Kerja yang dilakukan oleh pekerja-pekerja ini adalah kerja tetap dan bukan kerja sementara ataupun bermusim. Ini juga bercanggah dengan undang-undang buruh antarabangsa - ILO (https://www.ilo.org/global/topics/non-standard-employment/WCMS_534826/lang--en/index.htm) dimana kerja kontrak hanya diberi kepada kerja yang bersifat sementara atau bermusim. Baru-baru ini, Kerajaan kita telah melakukan beberapa pindaan selaras dengan undang-undang buruh antarabangsa – ILO dalam Akta Kerja 1955. Maka, Sistem kontrak ini harus dimansuhkan dan kembalikan kerja tetap yang pernah wujud sebelum pertengahan tahun 1990an. JPKK telah menghasilkan satu kajian mengenai penyerapan pekerja-pekerja ini sebagai pekerja tetap dan bagaimana Kerajaan boleh menyimatkan kos jika melakukan perkara tersebut. Pihak YB, boleh melayari website kami di link ini untuk membaca kajian tersebut: <https://jpkk.org/wp-content/uploads/2021/01/MALAY.pdf>

2. Pelaksanaan dasar pemilihan dan pengambilan kontraktor perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan yang ketat

JPKK telah menghasilkan kajian kami kedua tentang Syarikat-syarikat kontrak perkhidmatan di premis Kerajaan dan mencadangkan beberapa penambahbaikan yang harus dibuat dalam proses pemberian tender kepada Syarikat-syarikat kontraktor ini supaya Kerajaan dapat memilih

kontraktor yang mempunyai rekod yang baik dan kewangan yang kuat supaya tidak melakukan sebarang eksploitasi terhadap pekerja-pekerja kontrak ini. Hasil kajian kami boleh dibaca di link ini: https://jpkk.org/wp-content/uploads/2021/09/JPKK-2021_Laporan-Penyelidikan-Mengenai-Benefisiari-Sistem-Kontrak-Kerajaan.pdf

3. Senaraihitamkan dan batalkan kontrak Syarikat Kontraktor yang gagal mematuhi undang-undang pekerjaan

JPKK mendapat banyak aduan daripada pekerja-pekerja kontrak tentang pelanggaran undang-undang pekerjaan oleh Syarikat Kontraktor. Walaupun kami menasihatkan kepada pekerja untuk membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja, seterusnya pekerja tersebut dimangsakan dengan dibuang kerja. Satu kes menjadi dua kes. Ini sangat menyusahkan pekerja sebab proses penyelesaian mengambil masa yang panjang. Pembatalan kontrak harus menjadi satu syarat kontrak antara kerajaan dan syarikat bagi menghentikan keengganan mematuhi Akta Kerja secara berleluasa di kalangan kontraktor. Selain ini, pelanggaran undang-undang ini sentiasa berulang oleh Syarikat kontraktor, dan kontraktor baru yang ambilalih juga terus berbuat demikian. Maka, kita perlu ada satu sistem penghukuman yang serius supaya Syarikat kontraktor mematuhi undang-undang di Malaysia. Maka, JPKK menyarankan untuk menyenaraihitamkan Syarikat kontraktor yang melanggar undang-undang pekerjaan.

3. Wujudkan satu mekanisma aduan untuk pekerja kontrak membuat aduan di Hospital atau di Kementerian Kesihatan

JPKK menyarankan untuk Kementerian Kesihatan menyediakan satu mekanisma aduan samada di Hospital atau di Pejabat KKM supaya pekerja kontrak boleh menyalurkan aduan mereka terhadap Syarikat kontraktor yang melakukan salahlaku. Ini akan membantu pihak KKM bagi memantau Kontraktor yang diberi perkhidmatan oleh Kerajaan dan secara langsung akan membantu pekerja menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

KESIMPULAN

Di seluruh negara mempunyai lebih kurang 160 Hospital Kerajaan dan anggaran jumlah pekerja kontraknya adalah lebih kurang 150 000. Kesemua pekerja kontrak ini adalah pekerja yang berada di kategori B40. Kehidupan mereka terancam akibat sistem kontrak ini. Jika Kerajaan benar-benar ingin menghapuskan kemiskinan rakyat, maka pemansuhan sistem kontrak adalah satu langkah yang bermakna dan mampu mengeluarkan pekerja dari kemiskinan.

Maka, JPKK amat berharap pihak KKM akan membincangkan cadangan kami di peringkat kabinet dan membawa perubahan polisi untuk menjadikan pekerja-pekerja ini sebagai pekerja tetap di Hospital.

Hapuskan Sistem Kontrak
Jaminan Kerja Hak Semua